

26 NOV 1998

Mahathir-MSK

BANYAK NEGARA SEKARANG MAHU WUJUDKAN MSC MEREKA SENDIRI

PETALING JAYA, Nov 26 (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata malam ini banyak negara sekarang mahu mencontohi Malaysia mempunyai Koridor Raya Multimedia (MSC) mereka sendiri.

Dr Mahathir berkata beliau yakin mereka akan berjaya dalam perkara itui.

Berucap pada majlis makan malam anjuran Pertubuhan Industri Komputer Asia-Oceania (Asocio) dan Persatuan Industri Komputer Malaysia (Pikom) di sini, beliau berkata Malaysia bersedia untuk berkongsi pengetahuannya mengenai MSC dengan negara-negara berkenaan.

"Kita yakin mereka juga akan berkongsi pengetahuan mereka (dengan kita)," katanya.

Dr Mahathir sebelum itu menerima Anugerah Asocio 1998 di atas sumbangan signifikan beliau terhadap pembangunan industri teknologi maklumat di Malaysia.

Dalam menyifatkan MSC sebagai antara pelan unik di dunia, Perdana menteri berkata MSC sekarang menjadi buah mulut masyarakat antarabangsa.

Dr Mahathir berkata, kerajaan telah memperuntukkan jumlah wang yang banyak untuk membangunkan industri teknologi maklumat.

Katanya beliau tidak tahu apa yang mahu dilakukannya apabila MSC dicadangkan.

Bagaimanapun, katanya beliau gembira kerana idea yang dikeluarkan oleh pakar-pakar IT dalam negara termasuk Presiden Mimos (Tengku Datuk Dr Mohd Azzman Shariffadeen) telah sebenarnya menjadi kenyataan.

Mengenai Internet, Dr Mahathir berkata adalah malang sekali medium yang sebegitu berkuasa yang boleh mendidik orang dan menjadikan mereka manusia yang lebih baik, telah disalahgunakan.

"Mereka ini telah menyalahgunakan ciptaan yang paling cantik di dunia disebabkan kekeliruan dalam fikiran mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau berharap mereka ini hanya terdiri daripada kumpulan yang kecil.

Mengenai anugerah itu, Perdana Menteri mengucapkan terima kasih kepada Asocio kerana memberi penghargaan kepada beliau.

"Saya tidak fikir saya patut menerimanya tetapi saya ingin menerimanya bukan untuk diri saya sendiri tetapi bagi pihak semua mereka yang menjadikan MSC satu realiti," katanya.

--BERNAMA

ES WAT